



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : HISTORY OF ARCHITECTURE/
SEJARAH SENIBINA 1

KOD KURSUS : DSB1053

PEPERIKSAAN : JUN 2023


MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (10 Markah)
BAHAGIAN B (30 Markah)
BAHAGIAN C (60 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Buku Jawapan.

1. Ukiran dan perhiasan pada masjid, kediaman dan binaan oleh orang Islam biasanya diambil daripada bentuk-bentuk alam semulajadi dan geometri. Antara berikut manakah ukiran dan hiasan yang tidak dibolehkan?
 - A Ukiran bulat dan lukisan pokok
 - B Ukiran segi tiga dan lukisan awan
 - C Ukiran manusia dan lukisan haiwan
 - D Ukiran geometri dan lukisan batu-batuan

2. Yang manakah merupakan ciri senibina Romanesque?
 - A *Nave* tinggi
 - B Tingkap Ros
 - C Konsep vertikal
 - D *Gaya Barbarian*

3. Berikut adalah kenyataan yang **betul** tentang ciri-ciri senibina Gothic
 - i. Gerejaanya digelar Katedral
 - ii. Ilham dari Senibina Greek dan Roman
 - iii. Bermula pada kurun ke 13 di Peranchis
 - iv. Sebahagian besar bangunannya berbentuk simetri
 - A i, ii
 - B i, iii
 - C ii, iv
 - D i, ii, iii


4. Pada masa awal senibina Renaissance terdapat beberapa arkitek ternama yang membangun asas dan pengaruh dalam gaya senibina Renaissance. Pilih arkitek yang dinyatakan di atas

- A Alfredo
- B Aalvar Aalto
- C Frank Llyod Wright
- D Fillipo Bruneleschi

5. Apakah gaya senibina yang berkaitan dengan ungkapan berikut?

“...kompleks, rumit, *asymmetry*, *emotional*, komposisi berlebihan...”

- A Gothic
- B Baroque
- C Renaissance
- D Romanesque




Gambarajah 1

6. Gaya dan ciri-ciri senibina dalam Gambarajah 1 dikait rapat dengan seni/senibina berikut:

- A Gothic
- B Rococo

- C Renaissance
D Romanesque
7. Yang manakah antara berikut elemen-elemen yang dikaitkan dengan simbol budaya dan senibina Hindu-Buddha di Asia Timur dan Asia Tenggara
- Goryu
 - Stupa
 - Torana
 - Sikhara
- A i, ii
B i, ii, iii
C ii, iii, iv
D i, ii, iii, iv



Gambarajah 2

8. Apakah sistem struktur yang digunakan dalam pembinaan senibina tradisi China dalam Gambarajah 2.
- A Jian
B Tatami
C Dougong
D Toukong

“...kuil diraja yang paling penting di Beijing di mana maharaja-maharaja era Dinasti Ming dan Qing menyembah tuhan syurga dan memohon untuk hasil tuaian yang baik...”

9. Kenyataan di atas merujuk kepada

- A *Temple of Heaven*
- B *The Forbidden City*
- C *Qin Shi Huang Tomb*
- D *Taoist Gung Fu Temple*

10. Pilih kenyataan yang **betul** tentang karakter senibina Jepun berikut:

- i. Berasal daripada senibina India, tetapi telah diperhalusi dan mempunyai kriteria yang tersendiri
- ii. Mempunyai bumbung teres rata yang membezakan senibinanya dengan senibina di Timur Tengah dan India
- iii. ‘Ken’ merujuk kepada istilah ukuran piawai yang digunakan dalam menyusun atur kedudukan tiang
- iv. Mengguna pakai konsep perbandaran yang dibahagikan kepada dua (2) bahagian iaitu ‘bandar’ dan ‘pasar’

- A i, ii
- B ii, iii
- C ii, iv
- D iii, iv

[10 MARKAH]


BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan

SOALAN 1

Gambarajah 3 menunjukkan ruangan/elemen/binaan senibina Islam.



Gambarajah 3


- | | |
|---|--|
| A. "Tempat menyampaikan pesanan | E. "ruangan terbuka dan sebagai tempat wudhuk |
| B. "ruang suci / <i>womb - chamber</i> , tempat utama diletakkan. | F. "Bentuk tirus tinggi, sebagai <i>focal point</i> , memastikan laungan azan didengari dari jarak yang jauh |
| C. "Ruang lapang yang terbuka untuk menampung jemaah jika ramai." | G. "struktur terbuka seperti <i>porch</i> . Digunakan untuk keagamaan. |
| D. "Terletak di atas bangunan masjid dan menjadi sebahagian daripada bumbung masjid | |

- Namakan i - v
- Suaikan (soalan a) dengan padanan yang **betul** (contoh i = A)

(10 markah)

SOALAN 2

Gambarajah 4 menunjukkan ruangan/elemen/binaan senibina Gothic.



Gambarajah 4


- | | |
|---|--|
| <p>A. "rekabentuk tiang kelihatan lebih kecil dan ramping dan tidak mengganggu ruang galeri dan celestory di bahagian aras lantai. Dibahagian vault, gerbang runcing ini boleh kelihatan secara 3 dimensi, dimana <i>ribbed vault</i> ini bertemu ditengah-tengah siling pada setiap bay"</p> | <p>D. "elemen hiasan yang berfungsi sebagai pengalir air hujan <i>gutter</i>"</p> |
| <p>B. "bersambung dengan dinding luaran gereja sebagai struktur tambahan yang menyokong bumbung, juga sebagai menanggung beban bumbung daripada dialirkan ke dinding"</p> | <p>E. "selalunya dibina dengan ketinggian penuh untuk membenarkan cahaya menembusi ruang"</p> |
| <p>C. "Terdapat 2 warna utama iaitu biru dan merah, biru melambangkan syurga manakala merah melambangkan darah."</p> | <p>F. "F. "Struktur berbentuk lengkung, fungsi yang sama untuk menahan beban dari lantai di atasnya. Vault memberikan kesan keagungan dan keanggunan "</p> |
| | <p>G. "tingkap besar berbentuk roda bulat yang dibahagikan mengikut segmen dan ditutup dengan kaca berwarna"</p> |

- Namakan i - v
- Suaikan (soalan a) dengan padanan yang betul (contoh i = A)

(10 markah)

SOALAN 3

Gambarajah 5 menunjukkan jenis binaan dalam senibina India.



Gambarajah 5

- A. "Elemen seperti bentuk *inverted pot* yang diletakkan di puncak menara kuil dan merupakan simbol penting dalam kuil Hindu.
- B. Laluan/ dewan hadapan. Sebagai tempat menyimpan artikel penyembahan termasuk makanan semasa acara tertentu.
- C. Dianggap simbol mahkota kuil Hindu.
- D. "Menara tinggi kuil Hindu yang dibina di atas ruang Garbhagriya"
- E. *Womb-chamber*, ruang suci paling dalam dalam kuil hindu. Tempat dewa utama diletakkan (murti).
- F. Struktur terbuka seperti '*porch*' menuju ke dalam kuil. Digunakan untuk muzik dan tarian keagamaan. Kuil yang besar mempunyai beberapa mandapa mengikut fungsi.

- a. Namakan i - v
- b. Suaikan (soalan a) dengan padanan yang **betul**.(contoh i = A)

(10 markah)

[30 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan, jawab semua soalan.

Tulis jawapan anda pada buku jawapan.

SOALAN 1

- a. Senaraikan **tiga (3)** jenis senibina tradisi China mengikut klasifikasi strukturnya
(3 markah)
- b. Jelaskan **empat (4)** ciri-ciri sistem moduler dalam senibina tradisional China
(8 markah)
- c. Pada pendapat anda, mengapakah bangunan Tembok Besar China dibina berliku-liku dan memanjang menyusuri puncak gunung? Berikan **tiga(3)** pendapat anda dari sudut fungsi senibina.
(9 markah)

SOALAN 2

- a. Senaraikan **empat (4)** daripada ramai tokoh terkenal era Renaissance yang menjadi pencetus kegemilangan dunia Renaissance.
(4 markah)
- b. Jelaskan secara ringkas **dua (2)** kriteria senibina Renaissance.
(4 markah)
- c. Dengan menggunakan struktur ayat anda sendiri, huraikan **dua (2)** elemen-elemen senibina Renaissance berikut beserta lakaran
- i. tampak bangunan (*facade*)
 - ii. kubah (*dome*)
 - iii. tingkap
- (Lakaran: 3 markah)
(Huraian: 9 markah)
- (12 markah)

SOALAN 3

a. Jelaskan secara ringkas fungsi elemen-elemen dalam istana senibina Jepun berikut

- i. Menara istana (tenshukaku)
- ii. Dinding dan parit
- iii. Menara keselamatan (yagura)
- iv. Istana (goten)
- v. Kediaman

(10 markah)

b. *Shinto shrine* merupakan binaan kompleks keagamaan dalam senibina tradisi Jepun. Hurai dan lakarkan **lima (5)** daripada 13 elemen yang terdapat didalam kompleks tersebut.

(10 markah)

[60 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT



1

1